

29/05/2001

Akar dibubar, Umno menjalar

Lichong Angkui

UMNO Sabah melakar sejarah apabila buat pertama kali membuka pintu keahlian kepada orang Cina bekas ahli parti Angkatan Keadilan Rakyat (Akar) yang dibubarkan minggu lalu.

Perkembangan ini adalah evolusi terbaru Umno di Sabah yang sentiasa mengikut perkembangan dan kehendak masa, susulan daripada langkah awal terdahulu menerima kemasukan Bumiputera bukan Islam - iaitu kalangan masyarakat Kadazandusun/Murut.

Disifatkan sebagai proses pendewasaan Umno, langkah membuka pintu keahlian kepada orang Cina bekas ahli Akar itu bagaimanapun tidak sunyi daripada bermacam-macam konotasi sinis.

Ada yang bertanya apakah rasional di sebalik keputusan itu? Ada yang mempersoalkan, apakah Umno kini sudah melupakan teras perjuangannya untuk membela nasib bangsa Melayu dan agama Islam?

Malah ada yang lantang memperkatakan, Umno menjadikan Sabah sebagai gelanggang eksperimen evolusinya semata-mata.

Namun semua persoalan itu sememangnya lumrah dalam sistem berpolitik dan kepartian yang pelbagai di negara ini. Pembangkang akan mengata macam-macam terhadap parti pemerintah. Begitu juga dalam Umno sendiri. Yang kecewa dan rasa tidak puas hati, pantas menganggap semua keputusan itu tidak baik.

Yang pasti, Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, tentu mempunyai alasan tersendiri apabila membuat keputusan itu ketika mengumumkan perisytiharan pembubaran Akar, antara parti komponen Barisan Nasional (BN) tertua di Sabah, di Kota Kinabalu pada 20 Mei lalu.

Seperti dijelaskan Dr Mahathir, perlembagaan Umno tidak perlu dipinda kerana kebenaran khas menerima orang Cina bekas ahli Akar itu hanya terhadap kepada negeri Sabah.

Bermakna bukan semua orang Cina di Sabah dibolehkan menyertai Umno. Sementara di Semenanjung pula, isu berkenaan tidak berbangkit sama-sekali.

Natijahnya, kebenaran kepada Umno Sabah menerima orang Cina bekas ahli Akar dilihat mampu memperkukuhkan lagi keutuhan Umno di bumi Sabah. Adalah lebih baik bagi orang Cina dari Akar terus bersama parti komponen BN daripada berpaling tadah dan menyertai perjuangan pembangkang.

Penganalisis politik tempatan melihat pembubaran Akar dan kemasukan ahlinya ke dalam Umno akan membawa signifikan besar dalam politik kepartian di Sabah. Dengan pembubaran itu dan penyertaan ahlinya ke dalam sebuah parti politik lebih besar, Umno Sabah akan terus menjalar di bumi Sabah dan memberi keyakinan baru terhadap masa depan lebih cerah.

Penganalisis berpendapat kemasukan orang ahli Akar ke dalam Umno adalah satu proses menyeimbangkan penguasaan politik dan pengagihan ekonomi secara lebih adil dan saksama. Bukankah selama ini Umno terkenal sebagai parti yang sentiasa telus - sementara perjuangannya menjurus kepada kepentingan Melayu/Bumiputera dan Islam, tetapi pada masa tidak pula membelakangkan tanggungjawabnya terhadap bukan Bumiputera.

Yang jelas, kemasukan orang Cina dari Akar ke dalam Umno yang asal perjuangannya untuk orang Melayu/Bumiputera akan membawa dimensi baru dalam senario politik negara. Mungkin dengan penyertaan orang Cina ke dalam Umno, ia mampu merapatkan jurang penyertaan Bumiputera dan bukan Bumiputera dalam aktiviti ekonomi dan arus perdana politik negara. Tambahan pula, Dr Mahathir pernah menyebutkan secara umum Bumiputera lebih kuat dalam politik dan bukan Bumiputera menguasai arena ekonomi.

Mungkin juga rasional di sebalik penyertaan orang Cina ke dalam Umno adalah untuk memupuk penyatuan sebuah bangsa Malaysia dan ia satu proses politik memperkukuh jalinan kerjasama.

Apapun, semua pihak tidak harus melihat perkembangan ini dengan kecurigaan kerana ia hanya akan mengundang pelbagai kemelut baru.

Yang penting keikhlasan dan ketelusan, sama ada di pihak bekas ahli Akar mahu pun Umno Sabah sendiri. Janganlah dasar pintu terbuka Umno ini diambil kesempatan pihak tertentu untuk menyusup masuk ke dalam parti dengan agenda politik tersendiri.

Sementara pihak Umno Sabah, sewajarnya suatu mekanisme baru menapis kemasukan orang Cina perlu diadakan. Jika tidak, ia mungkin membawa masalah kerana sesiapa pun boleh mendakwa sebagai bekas ahli Akar di mana-mana cawangan atau bahagian di Sabah.

Begitu juga di pihak Akar sendiri, ia mestilah berhemat dalam membuat pengesahan mengenai status keahlian seseorang kerana keputusan itu menentukan survival politik Umno dan BN dalam jangka masa panjang.

Soal ini penting diberi perhatian kerana selepas ini, semua ahli Akar yang menyertai Umno akan diberi layanan saksama dan seadilnya sebagaimana disaran oleh Dr Mahathir sendiri.

Presiden Akar, Datuk Pandikar Amin Mulia dalam ucapan terakhirnya tempoh hari, memberi analogi Akar sebagai sebuah bahtera kecil belayar di lautan luas dalam cuaca tidak menentu, justeru perlu diselamatkan.

Beliau berkata, sebelum bahtera itu tenggelam di dasar laut akibat pukulan ombak, muatan berharganya perlu dipindahkan ke bahtera lebih besar, selamat, mempunyai peralatan canggih serta nakhoda berpengalaman dan berkemahiran iaitu Umno.

Hari ini, bermula sudah pelayaran kapal besar itu meredah lautan politik.

(END)